



**BAHAGIAN SUKAN, KOKURIKULUM DAN KESENIAN**

*Sports, Co-curricular and Arts Division*

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

*Ministry of Education Malaysia*

Aras 1, 2 & 7, Blok E13, Kompleks E

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62604 PUTRAJAYA

MALAYSIA

Telefon : +603 8884 1001 / +603 8884 1002

Faks : +603 8884 1034 / +603 8888 6790

Laman Web : [www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my)

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : KPM.600-12/1/4 Jld. 31 (49)

Tarikh : 30 Jun 2022

Encik Goh Swee Hong  
Pengurus  
Big Tree Academy Malaysia Sdn. Bhd.  
53B Jalan Bayu Tinggi 7  
Taman Bayu Tinggi  
41200 Klang  
**Selangor**

Tuan,

**MAKLUM BALAS PERMOHONAN PENGANJURAN DAN PENGLIBATAN MURID BAGI PROGRAM *WORLD MATHEMATICAL ARITHMETIC (WMA) SHENMO CUP INVITATIONAL* TAHUN 2022**

Dengan segala hormatnya saya ingin merujuk kepada perkara di atas dan surat daripada pihak tuan bertarikh 24 Mei 2022 adalah berkaitan.

2 Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian (BSKK) telah menerima dan meneliti permohonan penganjuran program di atas daripada pihak tuan. Pihak KPM mengalu-alukan inisiatif agensi kerajaan dan agensi bukan kerajaan dalam membantu membangunkan aktiviti kokurikulum di negara ini.

3 Sehubungan dengan itu, pihak KPM mengambil maklum akan permohonan pihak tuan serta **tiada halangan** bagi penganjuran ***World Mathematical Arithmetic (WMA) SHENMO Cup Invitational*** Tahun 2022 pada **8 Ogos hingga 13 Ogos 2022**. Walau bagaimanapun, pihak KPM ingin menarik perhatian puan bahawa pelaksanaan aktiviti berkenaan hendaklah memenuhi syarat serta mematuhi Surat Pekeliling Ikhtisas KPM Bil.8/2009, Bil.5/2018 dan Surat Siaran Pengurusan Kokurikulum Bil.2/2010, Garis Panduan Pengurusan dan Pengoperasian Sekolah KPM dan *Standard Operating Procedure (SOP)* yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Perkara yang perlu dipatuhi dalam melaksanakan aktiviti adalah seperti berikut:

- 3.1 Pihak penganjur hendaklah mendapatkan kebenaran secara bertulis daripada pihak Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) serta sekolah yang berkenaan;
- 3.2 semua murid terlibat hendaklah mendapat kebenaran dan persetujuan daripada pengetua/guru besar sekolah yang terlibat bagi menyertai program ini;

...2/-

- 3.3 penyertaan murid hendaklah secara sukarela dan mendapat kebenaran daripada ibu bapa/penjaga;
- 3.4 pihak penganjur adalah bertanggungjawab untuk mendapatkan kelulusan penganjuran program daripada pihak-pihak berkaitan;
- 3.5 surat ini **tidak boleh** diguna pakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan serta tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;
- 3.6 penyertaan murid **tidak mengganggu atau menjejaskan** waktu pengajaran dan pembelajaran (PdP)/Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR)/program/aktiviti sekolah;
- 3.7 pihak penganjur hendaklah memberikan maklumat program kepada pihak sekolah supaya boleh dimaklumkan kepada murid yang terlibat;
- 3.8 Pihak penganjur bertanggungjawab menguruskan insuran kemalangan yang bersesuaian dengan aktiviti yang dijalankan, menjaga kesihatan, keselamatan dan kebajikan semua murid yang terlibat dengan program ini;
- 3.9 sekiranya sekolah yang dijemput mempunyai program pada hari cuti hujung minggu, pihak penganjur perlu memberikan laluan murid yang terlibat untuk mengikuti program sekolah;
- 3.10 tiada implikasi kewangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), sekolah dan murid yang terlibat (merujuk SPI Bil.5/2018);
- 3.11 pihak penganjur hendaklah bertanggungjawab menanggung semua kos penganjuran program atau aktiviti yang dianjurkan termasuk pengangkutan, makan dan minum; **melainkan mendapat pertimbangan khas daripada Pendaftar**;
- 3.12 pihak penganjur perlu mengemukakan **draf poster/gegantung/hebahan digital/sijil** untuk semakan BSKK sebelum diedarkan;
- 3.13 penggunaan logo KPM tanpa kelulusan adalah tidak dibenarkan. Pihak penganjur perlu mengemukakan permohonan penggunaan logo KPM berserta dokumen lengkap kepada **Unit Komunikasi Korporat selepas mendapatkan maklum balas/surat sokongan permohonan penganjuran program ini**;
- 3.14 bagi **tujuan pengiktirafan** program, pihak penganjur perlu mengemukakan **satu salinan laporan program yang dijalankan (format seperti di Lampiran A)** kepada **Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian, KPM tidak lebih dari 30 hari selepas tamat program**;

- 3.15 pihak penganjur dimohon memastikan agar penerapan amalan nilai murni dapat dijadikan sebagai salah satu perkara yang wajib dilaksanakan sebelum/semasa/selepas program berlangsung bagi mendokong elemen tadbir urus insan (*Human Governance*) dalam kalangan murid sekolah di bawah KPM (*seperti pemupukan integriti, bersikap jujur, amanah, sifat jati diri terpuji, beretika dan lain-lain*);
- 3.16 pihak penganjur adalah dimohon untuk mengemukakan **Surat Setuju Terima (seperti di Lampiran B)** kepada pihak BSKK dalam tempoh **14 hari** selepas menerima surat maklum balas permohonan bagi mengesahkan persetujuan untuk melaksanakan program; dan
- 3.17 KPM berhak menarik balik surat penganjuran program ini sekiranya pihak penganjur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuat kuasa. Sebarang ketidakakuran akan memberikan kesan kepada permohonan agensi pada masa akan datang.

4. Maklum balas penganjuran program ini hanya untuk **Big Tree Academy Malaysia Sdn. Bhd.** yang akan menganjurkan **World Mathematical Arithmetic (WMA) SHENMO Cup Invitational Tahun 2022** pada **8 Ogos hingga 13 Ogos 2022**. Sebarang kebenaran program baharu hendaklah dikemukakan kepada pihak BSKK, KPM.

5. Sebarang pertanyaan berkaitan perkara tersebut, pihak tuan boleh menghubungi **En. Muhammad Sanjay bin Paramarie** di talian **03-88841017** atau e-mel [muhammad.sanjay@moe.gov.my](mailto:muhammad.sanjay@moe.gov.my).

Sekian, terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**(AMAT ROSLAN BIN ABDUL RAHMAN)**

b.p.: Pengarah

Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian  
Kementerian Pendidikan Malaysia